

TERHAD

SIMPTON PENYELEWENGAN TERHADAP ISLAM

Oleh
Lt Kol Dr Azlisham bin Abdul Aziz
Ketua Sel Dakwah
Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera

Pendahuluan

Penyelewengan terhadap Islam adalah satu isu yang dominan dalam sebuah negara. Kecuaian terhadap kepentingan penjagaan agama Islam ini sedikit sebanyak memberikan kesan negatif terhadap kehidupan manusia itu sendiri dari segi rohani dan jasmani. Terdapat sesetengah pihak yang menyeleweng dan menyimpang dari manhaj akidah yang sahik kerana mengikuti keperluan hawa nafsu, terpedaya dengan bisikan syaitan, penggunaan logik akal semata-mata dalam memahami agama dan menolak dari mengikuti manhaj yang ditetapkan. Penyeleweng ini berlaku sejak zaman Nabi Adam A.S dan ianya akan terus berlaku hingga hari kiamat. Tulisan ini membicarakan tentang simpton penyelewengan terhadap manhaj yang sahik dalam Islam yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Simpton merupakan tanda zahir yang boleh dikesan dari percakapan, amalan dan tindakan seseorang tanpa perlu menyelidik dengan lebih mendalam. Apabila wujud sesuatu simpton, boleh dikenal pasti seseorang itu mungkin terseleweng dari manhaj yang betul. Artikel ini dimulai dengan pembahagian ringkas ilmu-ilmu asas Islam, diikuti dengan penjelasan berkaitan tahap penyelewengan dan punca penyelewengan dari manhaj Islam. Seterusnya membicarakan secara ringkas kategori penyelewengan yang sering berlaku dalam kehidupan ummat Islam kini.

Pembahagian Ilmu Asas Islam

Islam mempunyai tiga ilmu asas yang merangkumi aspek akidah, amalan dan akhlak. Pembahagian ini berasaskan kepada Model Islam melalui Hadis Jibril A.S yang mengajarkan kepada Rasul SAW tentang Iman, Islam dan Ihsan. Iman merangkumi aspek kepercayaan dan keyakinan yang dipelajari dalam ilmu akidah dan ilmu tauhid. Islam merangkumi semua aspek amalan dan perundangan Islam yang dipelajari dalam ilmu Fiqh. Manakala Ihsan pula merangkumi semua aspek hubungan baik dengan Allah SWT dan sesama manusia serta alam yang dipelajari melalui ilmu tasawuf dan akhlak. Ianya dapat dijelaskan melalui Jadual 1.

Bil	Kategori	Jenis	Ilmu
1.	Iman	Pemikiran dan keyakinan	Ilmu Akidah/Ilmu Tauhid
2.	Islam	Amalan dan perbuatan	Ilmu Fiqh
3.	Ihsan	Hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan terhadap alam	Ilmu Tasawuf /Ilmu Akhlak

Jadual 1: Pembahagian Ilmu Asas Islam

TERHAD

Manakala Jadual 2 pula menjelaskan hubungan yang lazim antara kekuatan keimanan dan keyakinan dengan pelaksanaan Islam dalam kehidupan. Manusia yang yakin dengan Allah SWT akan memastikan segala tindakannya sentiasa mematuhi syariat Allah SWT seperti yang digariskan dalam nas al-Quran dan hadis.

Bil	Teras (Input)	Pelaksanaan (Proses)	Hasilan (Output)
1.	Akidah	Fiqh	Akhhlak
2.	Orang beriman	Wajib berpuasa	Menjadi orang yang bertakwa
3.	Iman dan Akidah	- Ibadah - Muamalat - Munakahat - Jinayat	Bersih jiwa dari sifat mazmumah Hiasi diri dengan sifat mahmudah

Jadual 2: Teras, Pelaksanaan dan Keberhasilan

Sekiranya tiada perlaksanaan Islam dalam kehidupan, maka tidak akan sempurna keimanan seseorang. Begitu juga, tidak sempurna perlaksanaan Islam sekiranya tidak mempunyai akhlak yang baik. Selain itu, akhlak yang baik sahaja tidak memadai seandainya tidak solat dan puasa. Keseimbangan dalam segala hal itulah yang dinamakan dengan wasatiyyah dalam Islam. Ini dihujahkan oleh Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 143 yang bermaksud: “Dan demikianlah kami jadikan kamu wahai umat Muhammad SAW satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia dan Rasulullah SAW pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”


Ketiga-tiga ilmu teras di atas bersumberkan dari al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyas termasuk beberapa sumber lain seperti kata-kata sahabat, uruf dan sebagainya. Untuk mengeluarkan hukum dari semua sumber ini memerlukan kepada metodologi tertentu khususnya yang terdapat dalam ilmu usul al-Fiqh. Metodologi ini perlu dikuti untuk menjamin pentafsiran dan pengeluaran hukum secara konsisten, tekal dan tepat. Mereka yang tiada kemampuan dalam menguasai nas dan segala metodologinya seharusnya menerima dan bertanya kepada mereka yang arif, bukan dengan menggunakan logik akal semata-mata dan penafsiran hawa nafsu.

Tahap Penyelewengan Dari Manhaj Islam

Penyelewengan dari manhaj Islam merupakan suatu fenomena yang berlaku sejak zaman anak Nabi Adam A.S lagi iaitu Qabil dan Habil. Ia merupakan hasil dari pengaruh bisikan Iblis dan syaitan, desakan hawa nafsu, runtunan syahwat dan terpesona dengan tarikan keindahan dunia. Empat perkara ini memang sedia ada dalam diri setiap manusia yang setiap ketika cuba mempengaruhi dan memperdaya manusia agar menyimpang dari manhaj Islam yang betul. Ia berlaku dengan cara menjauhkan manusia dari agama atau memperdaya manusia ketika melaksanakan amalan agama.

Penyelewengan ini ditambah lagi dengan faktor kejahilan yang menyebabkan manusia tidak mengetahui hakikat sebenar sesuatu perkara. Kecetekan pengetahuan yang sedia ada itu mungkin juga tersalah dan mungkin juga tidak menyeluruh sehingga berlaku kekeliruan. Ada juga yang berasa pandai dan berasa tidak tahu bahawa dia tidak tahu. Semua ini menyumbang kepada tersasar dari manhaj Islam yang sebenar.

Namun, penyelewengan ini tidak berada pada tahap yang sama. Ia boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu kufur, sesat dan salah faham seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Tahap Penyelewengan dari Manhaj Islam

Tahap Satu: Salah Faham Agama

Ia merupakan kesalahan yang bercanggah dengan perundangan Islam tetapi kesalahan itu tidak berat atau separuh benar atau kesilapan dalam keutamaan. Kebanyakan salah faham berlaku disebabkan keterlaluan dan kekeliruan kerana tidak mendapat gambaran syumulnya Islam dan tidak memahami konsep-konsep penting dalam Islam. Terdapat tiga jenis salah faham yang berlaku dalam agama iaitu; Kesalahan yang tidak berat, contohnya rajin solat berjamaah, tetapi akhlak mulutnya tidak disenangi oleh ahli kariah atau seorang makmum membaca kuat sehingga menganggu rakan yang lain. Kesalahan yang separuh benar. Ia merupakan amalan yang betul dalam satu keadaan tetapi salah dalam mengaplikasikan perkara berkenaan. Contohnya seorang imam membaca surah yang sangat panjang dalam solat fardu dan menunaikan solat tetapi masih menyimpan duit dalam bank riba. Kesalahan dalam keutamaan. Ia adalah menganggap penting satu-satu perkara yang kurang penting atau sebaliknya. Contohnya: Memerangi kesalahan dalam perkara khilaf membuat kenduri kesyukuran tetapi diikuti dengan karaoke.

Tahap Dua: Sesat (Menyeleweng dan bercanggah dengan Islam)

Ia adalah kepercayaan, perilaku dan akhlak yang didakwa berdasarkan kepada agama Islam sedangkan ia bercanggah dengan Islam. Ia adalah percanggahan yang sangat serius dengan tiga pihak iaitu dengan al-Quran dan al-Sunnah, dengan akidah Islam dan dengan mazhab yang muktabar dalam mazhab *Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Walau bagaimanapun, percanggahan ini tidak membawanya terkeluar dari agama, tetapi kesesatan dan penyelewengan dari manhaj Islam yang benar.

Tahap Tiga: Kufur (keluar dari agama)

ia adalah kepercayaan, perlakuan dan akhlak yang bercanggah dengan perkara yang teras dalam agama yang dikenali dengan *al-ma'lum min al-din bi al-darurah*. ia merupakan perkara asas yang mesti diketahui sebagai orang Islam seperti mempercayai keesaan Allah SWT, mengakui kewajipan solat, Nabi Muhammad sebagai rasul terakhir dan sebagainya. Menolak perkara asas ini boleh membawa kepada kekufuran.

Punca Penyelewengan Dari Manhaj Yang Betul

Secara umumnya, orang yang tersasar dari manhaj Islam yang betul belum lagi mendapat hidayah daripada Allah SWT sehingga mereka berterusan berada dalam kekufuran, kesesatan dan salah faham. Orang yang mendapat hidayah Allah SWT akan ter dorong kepada asbab untuk memahami agama dan mengamalkannya. Namun, hidayah adalah urusan Allah SWT dan kita sebagai manusia perlu berusaha untuk mendapatkannya, dan istiqamah berdoa agar berterusan mendapat hidayah daripada Allah SWT. Terdapat banyak punca yang membawa manusia menyimpang dari agama Islam yang betul. Antaranya ialah:

Mempercayai Perkara Ghaib Tanpa Manhaj Yang Betul

Perkara ghaib merupakan perkara yang hakiki dan ia memang wujud. Ia melibatkan aspek ketuhanan, perkara yang telah lalu seperti kisah umat yang terdahulu, perkara yang sedang berlaku seperti kewujudan jin dan perkara yang akan datang seperti hari kiamat. Semua ini adalah perkara yang tidak dilihat dengan mata kasar tetapi ia benar-benar wujud.

Oleh kerana manusia tidak dapat mengakses perkara ghaib, maka seharusnya mereka berpegang dengan sumber yang autentik khususnya al-Quran dan hadis. Perasaan manusia, sangkaan, ramalan dan pandangan manusia tidak boleh dipegang kerana perkara ghaib terselindung dari manusia. Kesalahan manusia ialah apabila mempercayai dan berpegang dengan sumber yang tidak sahih dan tidak pasti dalam perkara ghaib seperti kepada bomoh dan taksub kepada guru. ia membawa kepada penyelewengan dari manhaj yang betul.

Keghairahan

Keghairahan dalam sesuatu perkara boleh membawa kepada kegelojohan yang membawa kepada salah faham dan kesesatan. Hanya menumpukan kepada sesuatu perkara sahaja dari sudut yang sempit, bukan dari sudut yang lebih luas. Contohnya keghairahan mempelajari Islam secara ekspres dan kegopohan menjadi alim dalam masa yang singkat. Mereka mungkin teruja dengan sesuatu kelebihan amalan atau sesuatu bidang ilmu tetapi mengabaikan perkara yang lain atau merendahkan orang lain Mempelajari itu tidak salah tetapi kegopohan itu yang masalah kerana ia membawa kepada hilang keutamaan, berasa pandai, memperoleh maklumat tidak menyeluruh, dan sebagainya. Keghairahan itu penting sebagai bekalar semangat yang kuat tetapi keghairahan sahaja belum cukup kerana ia perlu diseimbangkan dengan faktor yang lain seperti bimbingan dari guru, tempoh masa yang Panjang dan perbincangan dengan banyak pihak.

TERHAD

Memahami al-Quran dan Hadis Melalui Terjemahan Yang Literal

Nas al-Quran dan hadis diturunkan dalam bahasa Arab terikat pentafsirannya mengikut kaedah linguistik bahasa Arab dan sasteranya. Ia tidak harus difahami hanya dari sudut literalnya sahaja kerana ia harus difahami juga secara kontekstual. Lebih dari itu, pentafsiran terhadap sesuatu nas perlu dikaitkan dengan nas yang lain kerana mungkin terdapat banyak nas dalam-satu-satu hukum. Tafsiran yang diambil menerusi terjemahan sahaja akan berhadapan dengan masalah tidak tepat dalam memahami maksud lafaz yang digunakan. Seseorang yang tidak mendalaminya bahasa Arab seharusnya menerima tafsiran yang dibuat oleh seseorang yang arif dalam bidang agama apatah lagi tafsiran itu perlu difahami secara keseluruhan nas. Kefahaman aspek bahasa merupakan aspek yang ditekankan dalam ilmu usul fiqh kerana ianya adalah asas dalam memahami nas. Contohnya beranggapan tiada kewajipan menutup aurat kerana arahan yang disebut dalam al-Quran adalah melabuhkan jilbab.

Tidak Berguru

Guru membimbing pelajar kepada kefahaman yang betul dan merungkaikan kekusutan dalam memahami masalah agama. Ini bukan bermakna tidak perlu membaca, tetapi bimbingan guru akan memudahkan kefahaman dan mengelakkan salah faham. Membaca tanpa mempunyai asas yang kuat dan dengan metodologi yang betul, boleh mengundang kepada kesesatan. Tujuan berguru ialah untuk membimbing seseorang dengan cara yang betul dari sudut manhaj dan sikap. Ia memberikan asas dalam memahami sesuatu dengan betul dan menjadikannya sebagai asas dalam kehidupan. Memahami secara sendiri dan tanpa metode yang betulkan boleh mendorong kepada seseorang itu terseleweng dari kebenaran.

Ingin Menebus Dosa Dengan Cara Pantas

Ada sesetengah orang yang rasa menyesal ke atas dosa yang telah dilakukan. Atas rasa sesalan itu, dia bertaubat dan mungkin timbul rasa panik dan takut kalau sekiranya taubat itu tidak diterima oleh Allah SWT. Rasa panik ini kadang-kadang menyebabkan dia melakukan sesuatu di luar keseimbangan dan mudah diambil peluang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Mereka mahu menebus dosa dengan pantas sedangkan pintu taubat sentiasa terbuka dan taubat itu pun ada tatakelolanya.

Menggunakan Logik Akal dan Hawa Nafsu Dalam Memahami Agama

Nas al-Quran dan hadis mestilah difahami sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Ia tidak boleh ditafsirkan mengikut akal dan hawa nafsu kerana Islam adalah agama yang memandu akal manusia. Ada perkara yang logik dan ada perkara yang tidak dapat dilogikkkan dan ada juga perkara yang belum sampai logik akal manusia memikirkannya. Apabila manusia mengukur semua perkara berdasarkan kepada logik akal, ini bukan agama. Logik akal tunduk pada agama, bukannya agama tunduk pada logik akal. Contohnya menganggap menutup aurat itu tidak penting kerana yang penting ialah kesopanan. Menganggap sopan lebih penting dari menutup aurat itu adalah salah kerana menutup aurat itu adalah laluan untuk taqwa. Sopan tidak semestinya taqwa tetapi orang yang bertaqwa itu sopan.

Enam perkara yang dibincangkan di atas ini adalah sebahagian dari punca penyelewengan yang membawa kepada kufur, sesat dan salah faham dalam agama.

Penyelewengan Dalam Memahami Ketuhanan dan Alam Ghaib

Alam terdiri dari alam fizikal yang boleh dilihat dan alam ghaib. Alam fizikal itu seperti kerusi dan meja yang boleh dilihat dan tidak sukar untuk dibuktikan kewujudannya. Namun, bagi alam ghaib yang tidak dilihat ia memerlukan kepada metode yang betul untuk memahaminya. Berikut adalah simptom penyelewengan dari kebenaran dalam memahami ketuhanan dan alam ghaib.

Ketuhanan

Allah SWT merupakan tuhan yang memiliki zat yang wajib ada dan tidak dapat diakses oleh manusia. Ia tidak akan sama dengan mana-mana makhluk dan tidak akan dapat dibayangkan oleh manusia. Allah SWT mempunyai sifat yang hebat dan sempurna, tidak siapa yang memaksa Allah SWT, dan Allah SWT tidak menyerupai mahupun menyerap masuk dalam diri mana makhluknya.

Antara simptom penyelewengan dalam ketuhanan ialah; Mengaku atau mempercayai bahawa seseorang itu boleh berhubung terus dengan Allah SWT, menganggap Allah SWT mempunyai tangan dan mata yang serupa dengan manusia, mempercayai bahawa dirinya atau pengikutnya sahaja yang layak mendapat *ma'unah* (pertolongan) Allah SWT, mengaku Allah SWT boleh menjelma dalam dirinya dan mempercayai bahawa orang mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya.

Kenabian dan Kerasulan

Kenabian dan kerasulan merupakan anugerah Allah SWT kepada lelaki pilihan yang terbaik daripada kalangan manusia. Mereka menerima wahyu secara langsung dari Allah SWT; sekiranya diperintahkan untuk diamalkan sendiri itu adalah nabi. Tetapi sekiranya diperintahkan untuk disampaikan kepada orang lain itu adalah Rasul.

Antara simptom penyelewengan dalam kenabian dan kerasulan ialah; Mempercayai ada lagi Nabi atau Rasul selepas nabi Muhammad, mendakwa bahawa wahyu turun kepadanya atau kepada gurunya, mendakwa bahawa guru mereka boleh menebus dosa dengan wang, mendakwa bahawa ajaran tarekatnya diterima dari Rasullullah secara jaga, mengaku dirinya atau gurunya maksum dari kesalahan, mendakwa bahawa dirinya sebagai wakil nabi dan boleh memberi syafaat kepada muridnya.

Hari Akhirat (syurga/neraka)

Ia merupakan hari kebangkitan semula manusia selepas alam barzakh. Dimana semua amalan manusia akan dihisabkan. Akhirnya mereka akan dimasukkan sama ada ke dalam syurga atau neraka. Di hari akhirat ini, semua manusia akan menghadapi kesusahan dan kesulitan, hanya beberapa orang sahaja yang dijamin masuk syurga Allah SWT.

Antara simptom penyelewengan dalam beriman dengan hari akhirat ialah; Mendakwa mereka telah dijamin masuk syurga, mendakwa orang tertentu tidak mati dan akan lahir semula sebagai Imam Mahdi dan boleh meramalkan tahun berlaku hari kiamat.

Penyelewengan Dalam Amalan Tarekat

Mengikut data menunjukkan Jabatan Mufti Selangor telah menfattwakan 43 senarai nama kumpulan ajaran sesat di negeri ini. Sebanyak 29 ajaran sudah tidak aktif manakala 14 ajaran yang masih lagi aktif dalam masyarakat. Memandangkan amalan tarekat dan bersuluk termasuk dalam senarai ajaran sesat, peserta dan pengamal perlu mendapat bimbingan yang betul dan mengamalkan cara hidup yang seimbang. Di sini, dinyatakan empat ciri penyelewengan yang berlaku dalam amalan tarekat:

Mendakwa Ketua atau Guru Mempunyai Kelebihan Yang Luar Biasa

Guru mempunyai kelebihan yang tersendiri disebabkan ilmu yang dimiliki dan pengalaman mereka yang luas dalam amalan dan pengajaran. Di atas kelebihan ini, kita perlu memuliakan mereka dan meletakkan mereka pada kedudukannya yang betul. Namun, mengangkat guru melebibi had yang sebenar merupakan suatu kesalahan apabila guru dianggap sebagai tidak melakukan dosa dan boleh mengetahui perkara ghaib dan apa yang tersembunyi dalam hati orang lain. Pengikutnya yang fanatik mengangkatnya dengan kelebihan yang luar biasa sehingga ia dijadikan hujah dalam kebenaran.

Antara simpton penyelewengan; Boleh memanggil roh orang mati dalam amalan menurun oleh bomoh atau tukang sihir, perbuatan maksiat seperti judi dan zina boleh mendapat jaminan keampunan daripada Allah SWT menerusi gurunya, mematuhi dengan buta tuli ajaran gurunya walaupun gurunya itu melakukan kesalahan dan dosa, mempercayai bahawa bacaan seorang guru ke atas sesuatu benda seperti batu, gunung dan lain-lain boleh memberikan kesan baik atau buruk, mendakwa mengaku tahu perkara ghaib dan menilik nasib seseorang, setiap murid dikehendaki menyerahkan diri, anak, isteri dan harta benda dan pengikut boleh menerima kuasa luar biasa dari guru.

Mengabaikan al-Quran dan Hadis

Al-Quran dan hadis merupakan kitab yang menjadi dasar kepada Islam. Keduanya perlu dibaca dan dirujuk untuk memandu manusia ke jalan yang benar. Namun, sebahagian tarekat tidak memandang penting kepada al-Quran dan hadis kerana sibuk dengan amalan yang lain. Mereka tidak menjadikan keduanya sebagai rujukan tetapi kepada amalan seseorang yang terdahulu kepada gurunya.

Antara simpton penyelewengan; Mempercayai wahyu masih lagi turun, mentafsirkan al-Quran mengikut pandangan sendiri, tidak menjadikan al-Quran sebagai bacaan, mentafsir al-Quran secara literal, mudah menyandarkan kepada Rasulullah tanpa rujukan yang betul dan berpegang dengan cerita yang tidak berasas.

Tidak Berpegang Dengan Syariat

Islam terdiri dari kepercayaan, amalan dan hubungan baik. Ketiga aspek ini perlu bergerak seiring dan seimbang, bukan dengan menumpukan kepada salah satu sahaja. Kerap berlaku penyelewengan dalam amalan tarekat apabila banyak menumpukan kepada zikir untuk nmembina dan menambah hubungan dengan Allah SWT. Tumpuan kepada zikir ini sehingga menyebabkan mereka hubungan sudah baik dengan Allah dan tidak berpegang lagi dengan syariat kerana ia dianggap sebagai kulit.

Antara simptom penyelewengan; Tidak mahu solat lagi kerana ia adalah amalan kulit, solat hanya dengan niat, meninggalkan solat yang wajib untuk beramal dengan zikir, memandang rendah amalan orang lain kerana dianggap tidak setara dengan mereka, meninggalkan sembahyang Jumaat kerana bersuluk dan tidak perlu solat lagi kerana mendakwa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT.

Menekankan Kepada Aspek Luar Biasa

Perkara luar biasa yang mencari adat bukanlah perkara yang mustahil seperti tidak terbakar atau tidak dilihat oleh orang lain. Ia mungkin berlaku secara kebetulan dan mungkin berlaku disebabkan kurniaan Allah SWT atas amalan kebajikan yang dia lakukan. Namun, kumpulan tarekat yang menumpukan kepada aspek luar biasa ini kononnya itulah karamah, sedangkan ia merupakan suatu perkara yang menyimpang dari syariat.

Antara simptom penyelewengan; Mempromosi atau mempertahankan kumpulan tarekatnya dengan mendakwa guru mempunyai karamah, mendakwa kebenaran kumpulannya dengan kejadian luar biasa, mendakwa kemunculan Imam Mahdi dari kalangan kumpulannya, mengadakan majlis pengampunan dosa dan mempertikaikan institusi fatwa secara terang-terangan tanpa fakta yang kukuh.

Amalan tarekat bukanlah semuanya salah kerana banyak juga amalan tarekat yang betul. Cuma banyak ajaran sesat berselindung atas nama kumpulan tarekat dan ada juga kumpulan yang menyimpang. Senarai simptom di atas ini sebagai suatu panduan untuk mengenali ajaran sesat berdasarkan kepada simptomn yang biasa berlaku.

Penyelewengan Dalam Pemikiran

Perbahasan berkaitan ketuhanan menjadi topik perbincangan yang penting pada zaman dahulu. Ketika Eropah di bawah kekuasaan gereja dan berada dalam zaman kegelapan, ketuhanan menjadi sebahagian dari perbincangan penting. Apabila mereka mula memisahkan agamawan dari memegang kuasa pemerintahan dan melakukan revolusi terhadap institusi gereja, peranan agama semakin lama semakin menjadi kecil dan tidak penting, malahan ia dianggap sebagai urusan peribadi.

Dengan berkurangnya pengaruh agama di Eropah sedikit demi sedikit, peranan sains mula mendapat tempat. Kemudiannya diikuti pula dengan tumpuan kepada peranan akal yang dikenali sebagai zaman moden. Sains dan akal merupakan asas kepada manusia untuk mencari keselesaan dalam kehidupan tetapi keselesaan yang dicari berteraskan kepada kebendaan atau materialisme. Agama dilihat tidak penting malahan ia dianggap sebagai penghalang kepada keselesaan dan kemajuan kerana agama dianggap tidak menawarkan kelebihan kepada kualiti hidup manusia. Lebih dari itu, agama memperkatakan soal halal dan haram yang berteraskan kepada wahyu yang tidak saintifik. Di sini, penyelewengan pemikiran mula berlaku. Lebih dari itu, Tuhan juga dianggap bukan suatu yang penting kerana mempercayai tuhan pun tidak menjamin keselesaan dalam kehidupan. Kepercayaan kepada tuhan pun membawa kepada anggapan kepercayaannya sahaja yang betul. Ini membawa kepada pergaduhan dan peperangan dalam masyarakat. Begitulah naratif yang dibawa di Barat dalam perspektif terhadap agama dan ketuhanan.

Disiplin ilmu tauhid berkembang apabila dakwah Islam berkembang pesat di rantau Asia Barat hingga ke Eropah. Interaksi antara Islam dan agama lain melangkui pelbagai pelusuk negeri, bangsa dan kepercayaan telah membawa kepada pelbagai perbahasan berkaitan ketuhanan dan alam ghaib. Perbincangan pemikiran asing telah dibawa masuk dalam perbincangan akidah sehingga mewujudkan kelompok pemikiran selepas itu seperti Muktazilah, Murjiah, Qadariah dan sebagainya.

Ulama Islam telah berusaha mempertahankan kesucian pemikiran akidah Islam dari dicemari dengan pemikiran yang salah dan sesat. Ia membawa kepada pembentukan disiplin ilmu tauhid atau ilmu akidah yang menyentuh aspek ketuhanan dengan tujuan mentauhidkan Allah SWT dan membersihkan Allah SWT dari segala sifat kekurangan.

Namun, sejak orang Islam banyak terpengaruh dengan kehidupan yang bersifat material, pemikiran mereka mula beralih sedikit demi sedikit dari membincangkan persoalan ketuhanan kepada gaya hidup barat. Ramai mereka yang mencari keselesaan dalam kehidupan dengan mengetepikan agama atau mengambil agama sekadar keperluan sahaja. Mereka sesat dalam mencari kehidupan kerana menggunakan logik dan terpedaya dengan syaitan, hawa nafsu dan dunia.

Kini, penyakit utama manusia bukan tersilap dan tersalah dalam mencari ketuhanan, tetapi menumpukan kepada mencari keselesaan dalam kehidupan. Apa-apa yang menghalang kepada keselesaan itu ditolak dan ditentang termasuklah agama dan ketuhanan. Mereka mahu membebaskan diri dari tuntutan agama (liberal) dan tidak berasa terikat dengan agama (sekular). Tumpuan hidup beralih kepada melayan kehendak dan keinginan manusia yang tidak terbatas. Mencari keselesaan itu tidak salah, tetapi meninggalkan tuntutan agama itu yang bermasalah.

Meskipun ada manusia yang tersesat dalam mencari tuhan seperti kumpulan yang difatwakan sebagai sesat dan tersalah, tetapi lebih ramai manusia yang tersesat dalam mencari keselesaan dalam kehidupan. Pemikiran yang meminggirkan tuhan dan agama ini yang mula menjadi dominan dan kini ia sedang merobek pemikiran umat Islam.

Penyelewengan Dalam Rawatan Perubatan Islam

Rawatan menggunakan khidmat perubatan tradisional antara kaedah rawatan yang selalu juga digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Sebahagian pusat rawatan ini menamakan pusat rawatan mereka dengan pusat rawatan Islam. Namun, ada dalam kalangan mereka yang terseleweng dari kaedah perubatan yang dibenarkan dalam Islam seperti menggunakan sihir dan bergantung kepada jin. Rawatan ini menjadi tarikan kepada orang ramai untuk mendapatkan khidmatnya kerana berlaku sesuatu yang pelik dan mengujakan. Kadang-kadang dengan menggunakan sihir, pengamal ini berjaya membuat sesuatu perkara luar biasa yang memberikan kekaguman kepada orang ramai. Ini yang menyebabkan mereka mempercayainya dan menuruti segala permintaan mereka sedangkan ia boleh membawa kepada syirik kepada Allah SWT. Ini telah ditegaskan oleh Allah SWT melalui maksud firmanNya dalam Surah al-Jin, ayat 6: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sompong dan jahat.”

TERHAD

Ringkasnya, terdapat 5 ciri yang membawa kepada salah faham dan kesesatan dalam rawatan Islam. Ini ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Bil	Ciri	Simpton
1.	Menggunakan khidmat makhluk halus	<ul style="list-style-type: none"> - Mendakwa bahawa jin yang digunakan adalah jin Islam - Bercakap dengan suara atau nada yang lain dari kebiasaannya
2.	Mempamerkan perkara-perkara ajaib dan luar biasa	<ul style="list-style-type: none"> - Melakukan pembedahan batin - Mengambil barang yang jauh dalam sekelip mata - Boleh menangkap jin dan mengurungnya dalam botol - Menilik lokasi barang hilang - Merawat dari jauh, membaca hati pesakit dan seumpamanya - Menggunakan tasbih untuk meneropong hati manusia
3.	Menggunakan kaedah yang bercanggah dengan Al-Quran, hadis dan amalan ulama	<ul style="list-style-type: none"> - Mendakwa kebal, ghaib, pengasih, penggerun, penyeri muka selepas membaca ayat tertentu
4.	Memperolehi ilmu melalui sumber dan kaedah yang laur biasa	<ul style="list-style-type: none"> - Mendakwa mimpi berjumpa wali, malaikat, nabi dan orang soleh - Berkebolchan merawat pesakit setelah sembuh dari penyakit atau sebaik sahaja pulang dari suatu tempat seperti Mekah
5.	Menggunakan jampi dan serapah yang bercanggah dengan Islam	<ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan mentera yang tidak difahami - Menggunakan potongan ayat al-Quran secara terbalik - Bermula dengan bismillah dan diakhiri dengan selawat, tetapi di tengah-tengahnya ada ayat yang tidak difahami

Jadual 3: Ciri dan Simptom Kesesatan dan Salah Faham Dalam Rawatan Islam

Penutup

Simptom yang dinyatakan dalam tulisan ini hanyalah sebahagian dari contoh untuk memudahkan kefahaman kita terhadap penyelewengan yang berlaku dalam akidah, syariah dan akhlak. Penyelewengan ini bukan sekadar memberikan kesan kepada akidah seseorang, tetapi kepada orang yang di sekelilingnya dan masyarakat. Ia termasuklah memberikan gambaran yang buruk terhadap Islam yang sepatutnya bebas dari salah faham dan kesesatan. Penambahan ilmu daripada guru muktabar dan merujuk kepada pihak yang berkuasa merupakan panduan yang penting kepada orang awam bagi mengelak tersasar dari kebenaran. Dalam konteks Angkatan Tentera Malaysia (ATM), melalui Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) telah memperkasakan Modul Perisai Akidah ATM Versi 2.0 pada tahun 2024 ini sebagai satu usaha strategik untuk dilaksanakan di semua peringkat perkhidmatan dalam ATM dalam rangka sebagai mekanisme dan instrumen untuk memberi penjelasan kefahaman yang jelas dan jitu tentang pelbagai ajaran sesat dan ciri-cirinya yang terdapat dalam negara ini dan sekali gus mengukuhkan pegangan Akidah *Ahli Sunnah Wal Jama'ah* sebagai nadi dan tunjang kepada akidah warga muslim dalam ATM.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. (2022). *Pembangunan Instrumen Penilaian Kerohanian Ketenteraan Malaysia* (INPERO). Shah Alam: UiTM.
- Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus (2006). *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim (1994). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Munawar Ismail, Kamarul Azmi Jasmi (2016). *Akidah dan Akhlak Dalam Pendidikan Islam*. Shah Alam: Penerbit UTM Press.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2010). *Ajaran Sesat Di Malaysia*. Jurnal Peradaban, 3: 1-16.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). *Ajaran Sesat di Malaysia : Faktor Penyebaran Dan Cara Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mabssiddin bin Ismail. (2012). *Penyelewengan Akidah Dan Syariat Dalam Perkhidmatan Rawatan Alternatif: Isu Kepenggunaan & Akidah Umat Islam*. stip:/primanara.blogspot. (Akses: 31 Ogos 2024).
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). *Gejala Agnostik Satu Ancaman Akidah*. Shah Alam: Selangor.
- Nur Aisyah Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2022). *Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari 23(2): 197-206.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin. (2001). *Ajaran Sesat*. Selangor: IIUM Press.